

05/05/2001

Agama mampu wujudkan suasana harmoni masyarakat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, agama bukan saja dapat menyatupadukan golongan yang mempunyai kepercayaan yang sama, malah berkesan mewujudkan harmoni di kalangan masyarakat berbeza agama.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menggesa semua lapisan masyarakat dan pemimpin agama kembali ke ajaran sebenar agama masing-masing dalam usaha mengekalkan sikap toleransi bagi kesejahteraan pelbagai kaum dan agama di negara ini.

"Sehingga manusia benar-benar balik ke ajaran agama sebenar, barulah kita dapat menghapuskan perasaan tidak puas hati.

"Jika sikap ini dibiarkan berterusan, ia sebenarnya akan membawa bencana kepada manusia," katanya merasmikan Majlis Perhimpunan Agung World Evangelical Fellowship di Hotel JW Marriot di sini, malam ini.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan isteri, Datin Seri Ena Ling; Pengerusi Majlis Evangelical Fellowship Dunia, David Detert; Pengarah Antarabangsa Evangelical Fellowship, Rev Dr Austin B Jun Vencer; Pengerusi National Evangelical Christian Fellowship (NECF) Malaysia, Datuk Rev Prince Guneratnam dan Setiausaha NECF, Rev Wong Kim Kong.

Perhimpunan Agung WEF kali ke 11 yang akan berakhir pada Khamis depan dihadiri 611 perwakilan dari 82 negara termasuk, Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura, Malaysia, India, Jerman dan Belanda.

Dr Mahathir dalam ucapannya berkata, sudah tiba masanya bagi semua penganut pelbagai agama melupakan persengketaan lama bagi mengelakkan pertumpahan darah seperti yang terjadi di Bosnia dan Kosovo yang mana Serb membunuh umat Islam.

Beliau berkata, sikap tidak puas hati di kalangan penganut agama terhadap penganut agama lain juga boleh menimbulkan suasana tegang sehingga berlakunya perpecahan, keganasan dan peperangan saudara.

Katanya, pemimpin agama perlu memainkan fungsi proaktif dalam membentuk jaringan kumpulan kerja antara agama dalam aktiviti agama masing-masing pada pelbagai peringkat masyarakat.

Beliau berkata, usaha itu bukan saja dapat mewujudkan persefahaman antara kumpulan terbabit, malah cara yang sama juga digunakan sebagai mekanisme yang berkesan dalam komunikasi, pendedahan dan penerimaan bagi jaringan komunikasi dalam apa juga masalah yang wujud dari satu agama ke agama yang lain.

Selain itu, Dr Mahathir mahu generasi muda negara ini dijadikan sasaran bagi usaha berterusan untuk melindungi dan memelihara toleransi agama.

(END)